

**FINAL EXAMINATION**  
**MARCH 2022**

---

<b>COURSE TITLE</b>	<b>HUBUNGAN ETNIK</b>
<b>COURSE CODE</b>	<b>MPU3113</b>
<b>DATE/DAY</b>	<b>25 JUNE 2022 / SATURDAY</b>
<b>TIME/DURATION</b>	<b>09:00 AM - 11:00 AM / 2 Hours</b>

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :**

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of **10** Printed Pages including front page)

**Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan aneka pilihan. Anda dikehendaki menjawab SEMUA soalan yang dikemukakan dalam kertas jawapan yang disediakan. (20 Markah)**

1. 'Perpaduan dalam kepelbagaian' dianggap suatu ungkapan yang sukar untuk dibumikan dalam konteks masyarakat berbilang etnik kerana:
  - I. kesatuan manusia berasaskan matlamat akhir bersifat utopia tidak dapat dilaksanakan
  - II. pencapaian tertinggi dalam konteks hubungan etnik ialah 'kesepaduan dalam kepelbagaian'
  - III. kesatuan dan kesamaan ideologi dan agama mampu diwujudkan
  - IV. kebudayaan dan adat resam hanya dapat diseragamkan melalui akomodasi
  - A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
  
2. Realiti hubungan etnik di Malaysia:
  - I. Malaysia merupakan 'negara masyarakat majmuk' yang paling aman di dunia.
  - II. Keamanan di Malaysia memperlihatkan kecekapan dan kebijaksanaan para pemerintah negara dalam menguruskan masyarakat berbilang etnik.
  - III. Keamanan yang dikecapi adalah hasil daripada perpaduan rakyat Malaysia.
  - IV. Usaha membentuk hubungan etnik yang harmoni ini melibatkan semua pihak, kerajaan dan rakyat bawahan.
  - A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
  
3. Di dalam memahami interaksi dan hubungan masyarakat yang saling bergantung, paradigma kesepaduan sosial lebih memberikan tumpuan kepada takrifan harian berbanding takrifan autoriti kerana takrifan autoriti \_\_\_\_\_.
  - A. menjadi petunjuk utama dalam mengenal pasti segenap aspek hubungan etnik
  - B. bersifat tetap dan terdedah kepada pemalasan
  - C. merupakan suatu cara pandang yang cuba memberi ruang dan kuasa kepada masyarakat awam terlibat dalam proses pembinaan perpaduan
  - D. lebih rencam, akomodasi serta saling memahami

4. Kewujudan masyarakat pluraliti berlaku di zaman kesultanan Melayu Melaka kerana:
- I. penghijrahan masyarakat multi etnik ke Melaka tanpa paksaan
  - II. Melaka mengamalkan dasar perdagangan bebas
  - III. wujudnya usaha menyatukan rakyat yang pelbagai oleh pihak pemerintah
  - IV. berlakunya proses asimilasi dan amalgamasi dalam kalangan masyarakat
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
5. Pilih perbezaan yang benar mengenai perbezaan di antara konsep stereotaip dan prejudis.
- A. Prejudis berbentuk kenyataan umum terhadap sesuatu etnik, sementara stereotaip difahami sebagai sesuatu kepercayaan dan perasaan terhadap sesuatu etnik.
  - B. Prejudis wujud dalam bentuk negatif dan positif, sementara stereotaip hanya berlaku dalam bentuk negatif semata-mata.
  - C. Contoh prejudis, orang Cina pandai Matematik, sementara contoh stereotaip, "saya tidak suka berkawan dengan etnik Jahut kerana mereka tidak makan budu".
  - D. Mudah difahami bahawa prejudis merupakan bentuk keyakinan mendalam terhadap sesuatu kumpulan etnik, sementara stereotaip difahami sebagai bentuk pemikiran yang memberi kesan terhadap perasaan, kepercayaan dan perasaan serta perlakuan.
6. Merupakan suatu proses penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan individu atau kelompok daripada sesuatu kebudayaan lain yang berbeza dan diolah dalam kebudayaan sendiri.

Pernyataan di atas merujuk kepada hubungan etnik di tahap \_\_\_\_\_.

- A. akulturasi
- B. akomodasi
- C. asimilasi
- D. amalgamasi

7. Ketakseimbangan dari segi guna tenaga dan pekerjaan di awal kemerdekaan amat ketara, lebih-lebih lagi masyarakat Melayu tidak melibatkan diri dalam sektor yang kedua dan ketiga. Sektor kedua ini termasuklah:
- pembinaan
  - perlombongan
  - pembuatan
  - pengangkutan
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
8. Dalam usaha mengurangkan kemiskinan, pihak kerajaan telah menyusun beberapa strategi utama untuk merealisasikan wawasan Dasar Ekonomi Baru, iaitu:
- meningkatkan kualiti hidup golongan miskin dengan menyediakan perkhidmatan sosial kepada mereka
  - meningkatkan pendapatan dan produktiviti golongan miskin
  - meningkatkan pelaburan masyarakat miskin luar bandar
  - membuka lebih banyak peluang pekerjaan
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
9. Dasar-dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan setakat kini telah memperlihatkan pelbagai kejayaan dan kecemerlangan, khasnya dalam usaha mencapai kesepaduan etnik. Prestasi yang membanggakan ini dapat dibuktikan dengan berlakunya:
- kepesatan pertumbuhan ekonomi
  - pengurangan kadar kemiskinan
  - peningkatan kualiti hidup rakyat
  - kejayaan penyusunan semula masyarakat secara mutlak
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas

10. Perlembagaan Persekutuan dikatakan sebagai unik kerana berjaya mengekalkan unsur-unsur tradisi seperti kedudukan:
- I. agama Islam
  - II. bahasa Melayu
  - III. istimewa orang Melayu
  - IV. Raja-raja Melayu
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
11. Kerjasama antara etnik telah terjalin di ambang kemerdekaan lagi. Kerjasama ini dapat dilihat pada:
- I. penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Kaum 1949 yang terdiri daripada pelbagai etnik
  - II. pembentukan Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO, MCA dan MIC
  - III. kesanggupan masyarakat tempatan mengundi wakil Parti Perikatan yang bukan dalam kalangan etnik mereka
  - IV. Sistem Ahli yang merupakan Kabinet di era penjajahan dibarisi oleh para pemimpin pelbagai etnik
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
12. Pilih pernyataan yang **BENAR** berkaitan agama dalam konteks Malaysia.
- I. Merupakan fenomena penting dalam kehidupan manusia
  - II. Membantu manusia dalam mengenali dan memahami Tuhan
  - III. Menjadi identiti etnik
  - IV. Membantu penganutnya berhubungan dengan jin
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

13. Agama dalam kehidupan manusia difahami berperanan sebagai:
- I. sumber nilai moral
  - II. pemangkin semangat kebangsaan
  - III. pembina perlembagaan negara
  - IV. pengembang budaya
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
14. Untuk mengukuhkan kedudukan kuasa politik dan ekonomi, pihak British telah mengamalkan dasar pecah dan perintah. Dasar tersebut mewujudkan segregasi dalam kalangan pelbagai etnik dari segi:
- I. kawasan tempat tinggal
  - II. jenis pekerjaan
  - III. sistem persekolahan
  - IV. agama dan adat resam
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
15. Pilih pernyataan yang **BETUL** berkenaan integrasi.
- I. Merupakan satu proses penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kelompok etnik.
  - II. Identiti, budaya dan hak hidup sesuatu kumpulan etnik tidak dihapuskan.
  - III. Aspek terpenting untuk diintegrasikan ialah agama dan adat resam.
  - IV. Merupakan satu proses mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan etnik yang terpisah-pisah.
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

16. Untuk menyemarakkan lagi semangat hubungan etnik yang harmonis, kerajaan menggalakkan rakyat Malaysia menubuhkan pertubuhan berasaskan etnik. Di antara pertubuhan yang telah ditubuhkan dan memainkan peranan untuk mempercepatkan proses hubungan etnik di Malaysia ialah:
- I. Belia 4B
  - II. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
  - III. Dewan Perniagaan India
  - IV. Persatuan Belia Cina
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
17. Sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan terdapat dua bentuk sekolah yang wujud dalam komuniti Melayu, iaitu persekolah yang tidak formal dan sekolah vernakular Melayu. Persamaan yang jelas antara kedua-dua sekolah ini ialah \_\_\_\_\_.
- A. pelajar lepasan kedua-dua jenis sekolah berkenaan tidak diterima untuk berkhidmat dalam pentadbiran British
  - B. pendidikan disediakan sehingga ke institusi pengajian tinggi
  - C. tahap pendidikan kedua-dua jenis sekolah berkenaan selaras dengan tahap pendidikan sekolah Inggeris
  - D. sukatan pelajaran lebih menekankan aspek kerohanian dan hal ehwal keagamaan
18. Ciri-ciri unik dan istimewa terlihat dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana berlakunya beberapa perkara yang mengakibatkan berlakunya kesepaduan sosial seperti:
- I. perhubungan menggunakan bahasa kebangsaan dalam pertuturan harian
  - II. keadaan yang saling berhubung antara individu dengan individu yang lain dalam kehidupan harian
  - III. pembabitan politik mengikut kaum
  - IV. keadaan saling bergantung untuk kelangsungan hidup
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

19. Kesepaduan sosial dalam hubungan antara etnik yang terhasil daripada aktiviti seni boleh dilihat dalam beberapa keadaan, iaitu:
- I. sewaktu proses penghasilan sesuatu bentuk seni dijalankan
  - II. dalam produk seni
  - III. semasa proses penjualan hasil seni berlangsung
  - IV. ketika penerbitan hasil seni dilakukan
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
20. Kesepaduan sosial dalam hubungan antara etnik yang disemarakkan oleh pihak media dapat dilihat pada:
- I. iklan TV
  - II. filem pendek
  - III. program TV
  - IV. penggunaan internet
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas